

## GARIS PANDUAN PENAMAAN SAUDARA BARU

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-44  
25 Jun 1998

### PENDAHULUAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan dijadikan rujukan kepada individu, institusi atau agensi-agensi yang berkaitan dengan penamaan atau pendaftaran nama bagi orang yang baru memeluk agama Islam.

### TAKRIF ISTILAH

**Saudara Baru** atau muallaf ialah seseorang yang baru memeluk Islam. Istilah Saudara Baru kini telah ditukar kepada **Saudara Kita** untuk mengelak timbulnya perasaan terasing bagi orang yang baru menganut Islam.

### PENAMAAN

1. Penamaan Saudara Baru boleh dikategorikan kepada dua:
  - i. Penamaan Saudara Baru Bumiputera
  - ii. Penamaan Saudara Baru Bukan Bumiputera.
2. **Penamaan Saudara Baru Bumiputera**
  - i. Penamaan seseorang Saudara Baru hendaklah tidak berunsur lucah dan hendaklah memberi makna yang sesuai dan baik. Contoh nama yang tidak baik dan lucah: **Pantat bin Man**
  - ii. Setiap orang yang memeluk Islam hendaklah dibin atau dibintikan kepada **Abdullah** atau mana-mana nama **Asma al-Husna yang berpangkal Abdul** yang difikirkan sesuai atau yang biasa digunakan.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Abdul Rahman, Abdul Rahim, Abdul Malik, Abdul Qudus, Abdul Salam, Abdul Muhaimin, Abdul Aziz, Abdul Jabbar, Abdul Bati', Abdul Ghaffar, Abdul Qahhar, Abdul Wahab, Abdul Razak, Abdul Fatah, Abdul Basit, Abdul Basit, Abdul Latif, Abdul Halim, Abdul 'Azim, Abdul Ghafur, Abdul Syukur, Abdul 'Ali, Abdul Kabir, Abdul Hafiz, Abdul Hasib, Abdul Jalil, Abdul Karim, Abdul Halim, Abdul Majid, Abdul Hamid, Abdul Mu'id, Abdul Majid, Abdul Wahid, Abdul Samad, Abdul Kadir, Abdul Ra'uf, Abdul Muluk, Abdul Hadi, Abdul Rasyid.

**Contoh : Uthman bin Abd. Rahim**

- iii. Seseorang yang memeluk Islam boleh mengekalkan nama bapanya dengan dibin atau dibintikan kepada bapanya itu.

**Contoh : Mohamad bin Ngat.**

- iv. Seseorang yang mempunyai nama sebelum beliau memeluk Islam yang berunsur keMelayuan atau keArabian yang memberi maksud yang baik dan dibin atau dibintikan kepada nama bapanya, nama itu boleh dikekalkan.

**Contoh : Majid bin Suhut atau Saad bin Manan**

- v. Mana-mana saudara baru dari kalangan Bumiputera yang mempunyai nama asalnya yang berunsur keMelayuan, samada nama dirinya sendiri atau bapanya seperti **Ghani bin Don** atau **Bujang bin Yot** boleh dikekalkan.

- vi. Mana-mana saudara baru boleh menukarkan nama mereka dengan nama baru dan dibin atau bintikan kepada **Asma al-Husna yang berpangkal Abdul** sekiranya beliau ingin berbuat demikian.

**3. Penamaan Saudara Baru Bukan Bumiputera.**

Saudara baru bukan bumiputera bermaksud orang berketurunan India, China dan lain-lain bangsa.

- i. Seseorang saudara baru **tidak boleh** menukar keseluruhan namanya kepada nama Islam.

Contoh : **Tan Sun Hai** tidak boleh menggunakan nama **Ahmad bin Abdullah**. Nama Islam yang boleh dipakai ialah **Ahmad Tan Sun Hai** atau **Ahmad Tan bin Abdullah**.

- ii. Seseorang saudara baru **boleh** membuat pilihan sekiranya beliau ingin mengekalkan nama keluarga disamping nama baru dan dibin atau bintikan kepada **Asma al-Husna yang berpangkal Abdul**.

Contoh : **Lee Ping San** ditukar kepada **Mohd Arif Lee bin Abdullah**.

- iii. Nama keluarga boleh digunakan oleh saudara baru dan generasi yang seterusnya iaitu anak kepada saudara baru.

Contoh : **Mohd Arif Lee bin Abdullah** dan anaknya **Ali bin Mohd. Arif Lee**

- iv. Namakan dengan nama baru boleh diikuti dengan nama asalnya dan dibin atau dibintikan kepada **Asma al-Husna yang berpangkalkan Abdul**.  
Contoh : **Balakrishnan a/l Maniam** ditukar kepada **Tajuddin Balakrishnan bin Abdullah**.
- v. Mana-mana nama asal bagi seorang sebelum dia memeluk Islam yang membawa maksud nama-nama tuhan agama asalnya tidak boleh digunakan. Contoh : **Siva, Murugan** dan lain-lain.
- vi. Pemilihan nama yang dikehendaki mestilah tidak melebihi 40 aksara (40 huruf) di dalam kad pengenalan (KPT) seperti yang ditentukan oleh Jabatan Pendaftar Negara. Sekiranya ejaan nama melebihi 40 aksara, maka pemohon akan diberikan pilihan untuk menentukan nama barunya tanpa menggugurkan nama asal dalam kad pengenalannya.  
Contoh : Nama asal : **Balakrishnan a/l Maniam**  
Nama Islam: **Tajuddin Balakrishnan bin Abdullah @ Tajuddin Balakrishnan bin Abdullah @ Balakrishnan a/l Maniam**, mengikut mana yang dikehendaki oleh pemohon.
- vii. Walau bagaimanapun nama yang akan dimasukkan dalam kad pengenalan (KPT) hanyalah **Tajuddin @ Balakrishnan a/l Maniam** atau **Balakrishnan @ Tajuddin bin Abdullah** yang tidak melebihi 40 aksara. Nama penuh seperti yang telah diluluskan akan dimasukkan dalam Kad Pengesahan Nama (KPN). Pemohon akan memegang tiga dokumen pengenalan diri iaitu Kad Pengenalan, Kad Pengesahan Nama dan Kad Memeluk Islam yang semuanya mencatatkan nombor kad pengenalan yang sama.  
Oleh yang demikian, adakalanya nama yang dicadangkan oleh mana-mana pihak atau agensi tidak dapat dimasukkan sepenuhnya dalam kad pengenalan kerana dasar-dasar tertentu seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

## IMPLIKASI

Penyelarasan penamaan saudara baru akan memudahkan urusan berikut:

1. **Kematian**  
Apabila berlaku kematian mudah untuk dikenalpasti mayat, pengurusan jenazah, pembahagian harta pusaka dan sebagainya.
2. **Mengawal saudara baru daripada murtad dengan sewenang-wenangnya.**
3. **Pengenalan identiti agama seseorang.**

### **PEMBATALAN NAMA ISLAM**

Seseorang yang memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada nama Islam adalah tidak dibenarkan sama sekali menukarnya semula kepada nama bukan Islam sekalipun ia telah keluar dari Agama Islam.

### **PENUTUP**

Adalah diharapkan garis panduan ini dapat membantu menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan penamaan mereka yang baru memeluk Islam (saudara baru). Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, bolehlah merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara.